

B620
ASEAN-DIALOG
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 14 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN ASEAN PERLU MENGAMBIL SATU PENDEKATAN YANG IMAGINATIF DAN BERINNOVATIF DALAM MENGGALAKKAN DIALOG DENGAN NEGARA-NEGARA KETIGA.

PERDANA MENTERI BERKATA MASANYA TELAH TIBA BAGI MEMBERI PERHATIAN YANG LEBIH TERHADAP KANDUNGAN DIALOG KERANA MENURUTNYA WALAUPUN TELAH TERCAPAI SEDIKIT KEMAJUAN, DIALOG YANG DIADAKAN SETAKAT INI BELUM LAGI MENELURKAN HASIL YANG TERTENTU.

BELIAU MENYAMBUK BAIK USAHA-USAHA UNTUK MENKAJI SEMULA DIALOG DENGAN BERBAGAI-BAGAI NEGARA DAN MENGGESA SUPAYA KEUTAMAAN DIBERI KEPADA BIDANG-BIDANG YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT KE-12 PARA MENTERI EKONOMI ASEAN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MENGUKUHKAN HUBUNGAN DENGAN RAKAN-RAKAN DIALOG YANG SEDIA ADA, ASEAN TIDAK HARUS MENGENEPIKAN USAHA MENGADAKAN PERHUBUNGAN EKONOMI BENTUK LAIN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN. -- BERSAMBUNG 1825/SZ

B624
ASEAN-DIALOG 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENERANGKAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT MUNGKIN SAMA PENTINGNYA DENGAN RAKAN-RAKAN DIALOG SAMADA BERDASARKAN SEKTOR ATAU BIDANG-BIDANG TERTENTU ATAUPUN DARI SEGI KUMPULAN SERANTAU.

MEMANDANGKAN PERINGKAT PEMBANGUNAN KEBANYAKAN NEGARA ANGGOTA ASEAN, TEKNOLOGI PERINGKAT PERTENGAHAN SEPERTI KOREA SELATAN DAN INDIA ADALAH SAMA PENTINGNYA KEPADA RANCANGAN EKONOMI ASEAN.

"KITA PERLU BERGERAK KE ARAH INI BAGI MEMPERLUASKAN ASAS BERKESAN KERJASAMA ASEAN," UJAR BELIAU.

MENGENAI MASALAH BARANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN ASEAN TELAH BANYAK BERUSAHA UNTUK MENGADAKAN KERJASAMA BERKEPANJANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA PENGGUNA DAN PENGELUAR.

PERDANA MENTERI YAKIN NEGARA-NEGARA RAKAN ASEAN TURUT MERASA KECEWA TERHADAP KEGAGALAN AMERIKA SYARIKAT MENGESAHKAN PERJANJIAN KEENAM TIMAH ANTARABANGSA DAN KEPUTUSAN PENTADBIRAN REAGAN UNTUK MENJUAL BIJIH TIMAH PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AM DI LUAR AMERIKA.

WALAUPUN KECEWA MENYELESAIKAN MASALAH BARANGAN, ASEAN BAGAIMANAPUN HENDAKLAH TERUS MENGAMBIL PENDEKATAN DAN USAHA BERSAMA UNTUK MEMPERJUANGKAN LAIN-LAIN ISU EKONOMI ANTARABANGSA DALAM DIALOG UTARA-SELATAN, RUNDINGAN PERDAGANGAN PELBAGAI PIHAK DAN PERATURAN PELBAGAI NEGARA. -- BERSAMBUNG 1843/SZ

ASEAN-DIALOG 3 KUALA LUMPUR

KATANYA MEMANDANGKAN SEMAKIN TIPISNYA HARAPAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK MENDAPATKAN PERKONGSIAN YANG LEBIH ADIL DARI KEKAYAAN DUNIA, ADALAH MENJADI LEBIH PENTING BAGI NEGARA-NEGARA ITU MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA EKONOMI SESAMA SENDIRI.

KEGIATAN DAN USAHA ASEAN DI BIDANG EKONOMI SETAKAT INI MENJADI BUKTI TENTANG KETAHANAN DAN KEJAYAAN PERSATUAN SERANTAU ITU DAN JUGA MENJADI SATU TAUHADAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN LAIN TENTANG KERJASAMA EKONOMI YANG BERMAKNA DARI SEGI RANTAU KECIL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI MENINGKATKAN KEGIATAN EKONOMI RANTAUAN, STRUKTUR ORGANISASI ASEAN PERLU DIKAJI SEMULA UNTUK MEMPERBAIKI KEKESANANNYA MEMANDANGKAN SUASANA YANG SERING BERUBAH.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MENYARANKAN SUPAYA PENYUSUNAN SEMULA JENTERA ASEAN DIJALANKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT KERANA IA MERANGKUMI BERBAGAI-BAGAI PERKARA.

BUAT MASA INI, BELIAU MERASAKAN TIDAK BEGITU PERLU DIUBAH STRUKTUR ASAS ASEAN TETAPI APA YANG PENTING TALAH MEMPERKUKUHKAN SEKRETARIAT ASEAN DAN PELBAGAI JAWATANKUASANYA.

-- BERSAMBUNG 1845/SZ

B628

ASEAN-DIALOG 4 KUALA LUMPUR

SERAMAI 114 ORANG WAKIL MENCHADIRI MESYUARAT TIGA HARI ITU, TERMASUK PARA MENTERI DAN PEGAWAI KANAN EKONOMI DARI KELIMA-LIMA NEGARA ANGGOTA.

PERWAKILAN INDONESIA SERAMAI 31 ORANG DIKETUAI OLEH MENTERI PENYELARAS BAGI HAL EHWAL EKONOMI, KEWANGAN DAN PERINDUSTRIAN PROF. WIDJOJO NITISASTRO.

NEGERI HAI JUGA MENGHANTAR PERWAKILAN PERINGKAT TINGGI YANG DIPIMPIN OLEH MENTERI PERINDUSTRIAN, MEJ. JEN. CHARTICHA CHOONIAVAN. BELIAU DISERTAI OLEH DUA ORANG TIMBALAN MENTERI DAN 23 ORANG PEGAWAI KANAN.

ROMBONGAN 12 ANGGOTA DARI PHILIPINA DIKETUAI OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, ENCIK ROBERTO ONGPIN, DAN TERMASUK MENTERI PERANCANGAN EKONOMI DR. PLACIDO MAPA JR. DAN DUA ORANG TIMBALAN MENTERI.

SINGAPURA PULA MENGHANTAR 12 ORANG WAKIL YANG DIKETUAI OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DR. TONY TAN. BELIAU DISERTAI OLEH SETIAUSAHA PARLIMENNYA, ENCIK SIDEK SANIFF.

NEGARA TUANRUMAH, MALAYSIA DIWAKILI OLEH ROMBONGAN SERAMAI 23 ORANG ANGGOTA DIPIMPIN OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN.

LAIN-LAIN ANGGOTA TERMASUK MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK PAUL LEONG, MENTERI PERTANIAN DATUK HAJI ABDUL MANAN OTHMAN DAN MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK LEO MOGGIE.

-- BERNAMA 1850/SZ